KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	03.06.22	MUKA SURAT	:	27
JABATAN	:	PERHILITAN			

SINAR HARIAN • JUMAAT 3 JUN 2022

Gajah liar: Penduduk sengkang mata

Penduduk di kampung Tok Uban dan Kubang Kerian berjaga malam secara sukarela

KUALA KRAI

Seminggu sudah berlalu namun tidur malam kira-kira 147 keluarga dari dua kampung di Tok Uban dan Kubang Kerian, Lata Rek, di sini, masih dibelenggu kerisauan dan ketakutan kerana beberapa ekor gajah liar masih menceroboh kampung mereka.

Tinjauan di Kampung Tok Uban yang terkesan akibat serangan gajah liar mendapati, banyak tanaman telah musnah, pagar rosak akibat rempuhan mamalia itu selain terdapat beberapa kesan tapak kaki dan tompokan najis di kebun pisang sekitar penduduk di kampung terbabit.

Wakil penduduk Kampung Tok Uban, Mohd Ridzuman Hanapi, 37, yang juga peniaga kedai runcit berkata, gangguan gajah liar itu bukan sahaja menyebabkan penduduk ketakutan tetapi banyak hasil tanaman mereka rosak dan musnah dimakan haiwan tersebut seperti kelapa sawit, pokok kelapa dan pisang.

"Semalam, kami nampak tiga ekor gajah termasuk anaknya telah ceroboh masuk ke kampung kami sebanyak tiga kali sekitar jam 7 hingga 11 malam," katanya ketika ditemui Khamis.

Bercerita lanjut, sejak 20 ekor gajah liar itu memasuki kampung mereka pada Khamis lepas, penduduk bersepakat menjaga kawasan kampung secara sukarela terutama pada waktu malam.

"Kira-kira 10 hingga 15 penduduk terpaksa berjaga malam secara sukarela dari jam 10 malam hingga 3 pagi setiap hari demi keselamatan penduduk di kampung ini," katanya yang menambah kehadiran gajah liar di kampungnya berlaku sejak empat tahun lalu.



Mohd Ridzuman (kiri) bersama Mohd Rosmizi melihat sebahagian tanaman pokok pisang yang musnah diserang gajah liar di Kampung Tok Uban.

Penoreh getah, Mastura Mohd Shamsuddin, 35, memberitahu, dia terpaksa melewatkan waktu menoreh dari jam 7 pagi ke 8 pagi ketika ini kerana bimbang terserempak dengan gajah liar yang berkeliaran di sekitar kawasan terbabit.

"Baru-baru ini saya terserempak dengan gajah kerana saya ingatkan benda yang saya lihat itu adalah kenderaan jenis Toyota Hilux tetapi rupa-rupanya beberapa ekor gajah liar berada dekat dengan kebun getah saya," katanya yang memaklumkan jarak rumahnya ke kebun getah kira-kira empat kilometer.

Bagi pekebun, Mohd Rosmizi Rosli, 34, dia mengharapkan agensi berkaitan supaya menempatkan beberapa anggota untuk 'bermalam' di kampung berkenaan bagi memantau keadaan sekeliling dan mengambil tindakan selanjutnya.

Sebelum ini, media melaporkan Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Kelantan Mohamad Hafid Rohani berkata, kakitangan Perhilitan Daerah Kuala Krai dan UTG Negeri Kelantan telah menjalankan kawalan dan tembak halau gajah liar berkenaan supaya kembali semula ke hutan berdekatan.

Penduduk kampung katanya juga sudah dinasihatkan supaya memasang unggun api di kawasan kediaman masing-masing dan di laluan gajah liar masuk ke kampung serta kebun selain sentiasa membersihkan kawasan kediaman, ladang dan kebun.

- *Bernama*